

Malay A: literature – Standard level – Paper 1
Malais A : littérature – Niveau moyen – Épreuve 1
Malayo A: literatura – Nivel medio – Prueba 1

Friday 8 May 2015 (afternoon)
Vendredi 8 mai 2015 (après-midi)
Viernes 8 de mayo de 2015 (tarde)

1 hour 30 minutes / 1 heure 30 minutes / 1 hora 30 minutos

Instructions to candidates

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Write a guided literary analysis on one passage only. In your answer you must address both of the guiding questions provided.
- The maximum mark for this examination paper is **[20 marks]**.

Instructions destinées aux candidats

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Rédigez une analyse littéraire dirigée d'un seul des passages. Les deux questions d'orientation fournies doivent être traitées dans votre réponse.
- Le nombre maximum de points pour cette épreuve d'examen est de **[20 points]**.

Instrucciones para los alumnos

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Escriba un análisis literario guiado sobre un solo pasaje. Debe abordar las dos preguntas de orientación en su respuesta.
- La puntuación máxima para esta prueba de examen es **[20 puntos]**.

Tulis satu ulasan sastera terarah tentang **satu** petikan sahaja. Jawapan anda mestilah merangkumi kehendak kedua-dua soalan panduan yang diberikan.

1.

I

Isteriku menangis lagi. Dia tidak tahan kerana terpaksa melepaskan Farid pergi jauh daripada kehidupan kami. Masih tergambar dalam fikiran kami bagaimana Farid kecil menangis tersedu-sedu memanjat pagar asrama, masuk ke dalam cahaya samar malam dan hilang ditelan koridor asrama. Kalau dulu, Farid kembali ke pangkuan kami, tetapi kali ini dia
5 pergi membawa tanggungjawab yang lebih besar. Dia sudah mula hidup sendiri. Dia sudah menemui pasangannya.

“Dia akan kembali!” Aku memujuk isteriku.

“Tapi firasatku lain kali ini.” Isteriku bersuara. “Kita harus memujuk dia pulang!” Rayu isteriku.

10 “Biarkanlah dia, dia perlu berdikari.” Aku mempunyai pendapat sendiri. Dia harus bertanggungjawab. Membawa Ani ke dalam kehidupan berkeluarga dan berada jauh daripada ibu bapa perlukan kekuatan mental. Dia bukan lagi anak kecil. Dia kini lelaki yang bertubuh tegap, gagah dan mempunyai tanggungjawab dalam rumah tangga.

II

Isteriku sentiasa bersedih. Setiap hari dia sering terpandang-pandang susuk Farid ketika
15 membuka pintu pagar. Kadang-kadang katanya dia ternampak Farid duduk di sofa yang satu itu sambil menonton televisyen. Ada ketikanya Farid membuka pintu bilik dan menutupnya perlahan-lahan. Bayang-bayang Farid sentiasa mengikutinya hingga masuk ke dalam mimpinya.

Pada minggu pertama Farid ada menghubungi kami melalui telefon. Tetapi semakin
20 lama, dia semakin jarang-jarang menelefon. Dari sebulan sekali, kemudian dua atau tiga bulan sekali dan seterusnya enam bulan sekali. Akhirnya kami cuba menelefon Farid. Tetapi nombor telefonnya sudah tidak aktif. Kami juga tidak tahu di mana dia tinggal.

Kini isteriku sakit. Padaku sakitnya berpunca dari kesan ingatannya terhadap satu-
25 satunya anak kami. Pada mulanya dia tidak berselera makan. Aku cuba memberi harapan kepadanya, tetapi dia tidak yakin dengan kata-kataku. Aku teringat Farid yang membesar di hadapan kami dan tiba-tiba sahaja menghilang daripada kehidupan kami. Dahulu anakku itu embun dalam kehidupan kami, kini dia jugalah jarum yang mencucuk pedih hati kami.

III

Suatu hari Farid dan isterinya tiba-tiba muncul kembali. Mereka seperti tergesa-gesa.
30 Ada anak kecil bersama-sama mereka. Kenapa Farid tidak beritahu kami yang Ani sudah melahirkan seorang putera yang comel?

Farid meminta maaf kerana selama ini mereka berdua sibuk dengan tugas dan
tanggungjawab baharu mereka. Kata Farid, mereka kini berniaga sendiri. Buka syarikat
perniagaan sendiri sebab itu tidak sempat menghubungi kami. Ini pun mereka terpaksa balik
semula ke Kuala Lumpur dan menitipkan anak mereka kepada kami untuk sementara waktu.
35 Susah untuk mencari pembantu rumah.

Isteriku kembali riang. Kesihatannya kembali pulih, lebih-lebih lagi ada cucu untuk diberi perhatian. Isteriku ada menyatakan hasratnya untuk memelihara terus cucunya itu kalau Farid tidak dapat mencari pembantu rumah. Anak kecil itu kelihatan sihat tetapi entah kenapa hati kecilku seperti tidak bersungguh-sungguh untuk menyayanginya. Adakah aku terlalu
40 cepat menerima cucu dan kini sudah bergelar datuk? Seharusnya aku berasa gembira, tetapi entahlah bagai ada sesuatu yang menyebabkan aku berperasaan demikian. Satu hari aku terpaksa menyebut, “Nah, cuba lihat wajah cucu kita ini. Lebih mirip siapa ya?”

IV

Ada orang datang. Aku lihat ada beberapa orang pegawai lelaki dan seorang perempuan. Mereka memperkenalkan diri dari Pejabat Kebajikan Masyarakat. Bersama-sama mereka
45 ada beberapa orang polis. Aku dan isteri agak terkejut dengan kehadiran tetamu yang di luar dugaan itu.

“Ada apa?”

“Kami terpaksa mengambil anak ini!”

“Cucu kami?”

50 “Anak tuan, Farid dan isterinya terlibat dalam sindiket jual beli bayi. Bayi ini adalah salah seorang daripada mangsa penculikan dan penjualan bayi.”

Isteriku hampir pengsan mendengar berita itu. Patutlah wajah bayi ini tidak sedikitpun mirip wajah Farid, mahupun wajah isterinya, Ani. Apalagi mirip wajah kami berdua.

Shapiai Muhammad Ramly, *Dewan Sastera* (2012)

- (a) Apakah yang ingin disampaikan pengarang tentang hubungan ibubapa dengan anak lelaki melalui watak-wataknya?
- (b) Nyatakan pendapat anda tentang teknik imbas muka dan/atau imbas kembali serta kesannya.

2.

Wasiat Pandir Pak Pandir

- Merunglai riwayat lucuan Pak Pandir,
dalam bebalnya banyak pandainya,
dalam bendul menyular firasatnya
wasiat geliga melampau zaman
5 renungan panjang para cendekia.
- Pandir, minta dicarikan kerbau kenduri
pulang dibawanya tajak melukakan kaki
khilaf Pandir, adalah khilaf warisan
tidak pernah disingkapkan pesan
10 anak yang dihantar menjunjung ilmu
pulang membawa duka mengguris hati
ibu ayah yang menjunjung budi.
- Pandir, mati anak di kawah rebusan
disangka ketawa meraung derita
15 khilaf Pandir khilaf mengajar
alpa para bapa membiar anak,
konon bahagia di daerah kepalsuan
riang ria di kawah keseronokan
hakikat sengsara menanti di neraka.
- 20 Pandir, dilucukan menaut baung di sungai
konon tak kenal rupanya belalang rusa
malang si rusa seekor dijadikan umpan.
Khilaf Pak Pandir khilaf menyindir
tamak manusia tak serik-serik
25 mengidam untung berganda-ganda
pelaburan saham sekilat kaya
lebur tabungan bertahun-tahun lama
melengung cakap seorang diri.
- 30 Sepandir-pandir Pak Pandir
jenaknya adalah pusaka bangsa
bebalnya lucunya penuh pedoman
untuk kita dibekalkan geliga.

Mohd Hashim Osman (2013)

- (a) Bincangkan keberkesaan gaya bahasa yang terdapat dalam puisi di atas.
- (b) Apakah pesanan moral yang ingin disampaikan penyajak kepada pembaca?